



# prihatin

*sentiasa bersama mu*

16

## PERSIDANGAN PEGAWAI KENDERAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2013

04

DATUK DR. JEYAINDRAN...  
MENJEJAKI KESINAMBUNGAN  
KEDOKTORAN BAPA

09

LAYANAN BERTARAF  
5 BINTANG DENGAN  
'RED CARPET TRAINING'

12

JANGAN CUA! JOM JADI  
PEMANDU YANG BIJAK!

ISSN 1675-1361



9 771675 136103

PP 10548/08/2012(030458)





# prihatin

*sentiasa bersama mu*

jilid 1 | Jan - Mac 2013  
**MENARIK KELUARAN INI**

## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalalludin

Ezdan Zaim Zaidan

Rusman Bassri

## PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

**Tel** 03-6192 8888

**Faks** 03-6192 8999

**emel** prihatin@spanco.com.my

**web** www.spanco.com.my

**Talian bebas tol** 1-800-88-6999

## PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

**Tel** 03-8941 4013

**Faks** 03-8941 4014

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

## SEKILAS MINDA

**03** Memperkasakan Imperatif  
Kecemerlangan Fleet di 2013

## KATA MEREKA

**04** Datuk Dr. Jeyairandran...  
Menjejak Kesinambungan  
Kedoktoran Bapa

## SERVIS ITU PENTING!

**06** Penasihat Servis Yang  
Mesra, Cekap Dan Profesional

**07** Pusat Servis Yang Efisien

**08** "Komited, Cekap & Mesra  
Pelanggan... itulah yang kami  
utamakan"

**09** Layanan Bertaraf 5 Bintang  
Dengan 'Red Carpet Training'

## YANG PERLU ANDA TAHU

**10** Tip Pemanduan Selamat:  
Bertanggungjawablah  
Terhadap Keselamatan Diri Dan  
Penumpang Anda

**12** Jangan Cuai! Jom Jadi  
Pemandu Yang Bijak!

## PERSADA INOVASI

**14** Honda Accord Generasi  
Kesembilan... Melangkaui  
Sempadan Inovatif

## MERAKAM CATATAN

**16** Persidangan Pegawai  
Kenderaan Kerajaan  
Persekutuan 2013: Siri Pertama  
Zon Tengah Dilancarkan

## LIBUR DESTINASI

**18** Sepang Gold Coast Resort  
- Pengalaman Percutian Ibarat  
Syurga Dunia

## BICARA SIHAT

**20** Adakah anda seorang  
pemandu yang sihat?

## PILIHAN SERVIS ANDA

**22** Melaka, Negeri Sembilan  
dan Johor

**23** Pelantikan Baru

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.





## MEMPERKASAKAN IMPERATIF KECEMERLANGAN FLEET DI 2013

ALHAMDULILLAH kita sudah melangkah menjejak 2013 dengan semangat dan iltizam baru. Terima kasih tidak terhingga kepada semua rakan Kementerian dan pelanggan yang telah menyokong dan merealisasikan matlamat 2012. Juga barisan kakitangan SPANCO yang telah sama-sama berdiri teguh menjadi tulang belakang kejayaan syarikat.

Melangkah ke 2013, anjakan paradigma baru akan dicipta. Strategi pengurusan akan lebih difokuskan ke arah mengekal dan mengembangkan prasarana fleet di SPANCO. Pelbagai agenda agresif telah disusun bagi menyahut cabaran ini. Antaranya program penggantian besar yang melibatkan Proton Perdana dan Waja merangkumi 45% saiz keseluruhan fleet akan dilaksanakan. Tahap perkhidmatan akan terus dipertingkatkan supaya tidak cuma memenuhi malah menjangkau jangkaan pelanggan. Ini termasuklah menaik taraf Pusat Servis Wilayah di

Batu Caves, melabur di dalam sistem teknologi maklumat serta menambah tenaga kerja mahir untuk berinteraksi cemerlang dengan pelanggan.

Implementasi ini diharap dapat memperingkatkan mutu SPANCO sekali gus menjadi 'role model' penasihat fleet terunggul di Malaysia. Kami mahu pelanggan berpuas hati dengan kenderaan mereka melalui pemantauan penyenggaraan yang efisien dan khidmat nasihat profesional agar mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas dan aktiviti mereka.

Anjakan permulaan, kami lampirkan PRIHATIN berwajah baru sebagai penyuntik semangat dengan pengisian yang padat serta panduan-panduan bermanfaat yang diharap dapat membantu rakan niaga dalam menjalankan tanggungjawab dan kerja harian.

**DATO' HAMZAH MOHD SALLEH**  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

TAHAP  
PERKHIDMATAN  
AKAN TERUS  
DIPERTINGKATKAN  
SUPAYA TIDAK  
CUMA MEMENUHI  
MALAH  
MENJANGKAU  
JANGKAAN  
PELANGGAN.

# DATUK DR. JEYAINDRAN....

## MENJEJAKI KESINAMBUNGAN KEDOKTORAN BAPA

DATUK DR. JEYAINDRAN YANG TELAH 10 TAHUN MENGGUNAKAN KENDERAAN DARI SPANCO INI AMAT BERPUAS HATI DENGAN KHIDMAT SERVIS YANG DIBERIKAN.

BELIAU sangat merendah diri namun amat periang dan begitu luhur bila berbicara. Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) ini bukan nama asing dalam bidang perubatan. Lahir dari keluarga terbilang, beliau kini menjejaki langkah mendiang bapa iaitu Tan Sri Dr. Sinnadurai yang dahulunya merupakan Ketua Perubatan di Hospital Kuala Lumpur dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Banyak kenangan indah bersama bapa yang menga-

jar saya liku-liku kehidupan. Saya orang Alor Setar tapi membesar di Kuala Lumpur. Saya masih ingat dulu bapa selalu bawa bersiar-siar dengan kereta Mercedes-Benz model 1966. Waktu itu zaman kanak-kanak memanglah seronok. Jalannya pula mencabar, tiada lebuhraya tapi saya suka lihat pemandangan sekitar yang sangat mendamaikan," ujarnya tersenyum mengimbas kenangan lalu.

"Sekarang pun saya masih gunakan jalan kampung apabila melawat petani dan orang asli. Saya rasa tenang

apabila berada bersama mereka. Dapat menyumbang sedikit bakti memberi satu kepuasan yang tidak terhingga," ujar Datuk Dr. Jeyaindran yang juga merupakan penaung dan pengerusi kepada Yayasan myNadi, ditubuhkan empat tahun lalu.

Mendapat pendidikan awal di Pasar Road School dan kemudian Victoria Institution, pakar perubatan peribadi Perdana Menteri ini kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selepas menamatkan pengajian beliau kemudian bertugas dalam perkhidmatan awam di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1981.

Datuk Dr. Jeyaindran menjalani latihan kedokteran di beberapa kota besar seperti Singapura, London, New York dan Dublin. Jauh perjalanan luas pengalaman, kini setelah hampir 30 tahun bertugas di Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Jeyaindran



merasakan ia merupakan satu perjalanan yang sangat mencabar.

"Manakan tidak, apabila saya mula bertugas bapa pula baru saja bersara dari perkhidmatan awam. Beliau pula adalah rakyat Malaysia pertama yang dilantik sebagai Ketua Jabatan Perubatan di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1961 dan kebanyakan kakitangan pula pernah bertugas di bawah bapa saya jadi harapan yang diletakkan kepada saya amatlah tinggi. Inilah cabaran paling besar yang pernah saya hadapi,"ujarnya yang kini bertugas di Hospital Putrajaya dan Hospital Kuala Lumpur.

Perjalanan yang panjang dan mencabar bersama kementerian tidak pernah mematahkan semangatnya malah kecintaan terhadap bidang perubatan dan minat mendalam yang tidak pernah pudar menguatkan Datuk Dr. Jeyaindran untuk terus memberi khidmat kepada masyarakat.

"Perubatan bukan hanya kerjaya tetapi minat. Saya puas dapat merawat pesakit dan seronok mengajar pelajar-pelajar perubatan di hospital dan universiti. Bertugas di kementerian memberi saya pelbagai kemudahan dan membuka ruang yang luas untuk saya berbakti kepada masyarakat," jelasnya yang begitu fasih berbahasa Malaysia.

"Malah, sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan pelbagai perancangan telah dibuat dalam mentransformasikan kementerian dengan membina prasarana yang lebih baik merangkumi kemudahan baru yang dimiliki. Paling penting profesionalisme, tanggungjawab dan ketulusan bekerja mesti diterap kepada semua kakitangan agar kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan," ujarnya lagi.

Bercakap mengenai kualiti, Datuk Dr. Jeyaindran yang telah 10 tahun menggunakan kenderaan dari



*Bertugas di kementerian memberi pelbagai kemudahan dan membuka ruang yang luas untuk Datuk Dr. Jeyaindran berbakti kepada masyarakat.*

SPANCO ini amat berpuas hati dengan khidmat servis yang diberikan serta penasihat servis yang sentiasa bersedia apabila bantuan diperlukan.

"Saya amat berpuas hati dengan servis konsisten yang diberikan. Penyelenggaraannya cukup cemerlang dan sehingga kini saya tiada masalah besar yang membabitkan kemalangan di jalan mahupun lebuh raya. Apatah lagi tugas memerlukan saya banyak bergerak di jalan raya. Jika ada masalah pun, saya hanya perlu

hubungi SPANCO dan bantuan akan diberikan dengan pantas," ujarnya yang membuat pemeriksaan kenderaan di Pusat Servis Wilayah Batu Caves.

"Paling penting, jangan remehkan untuk menservis kenderaan mengikut jadual. Saya percaya, kereta perlu diservis selalu agar pemanduan menjadi lebih selamat. Seperti diri kita, selalulah berjumpa doktor untuk membuat pemeriksaan agar kesihatan yang baik dapat dikekalkan," nasihatnya mengakhiri perbualan.



*Datuk Dr. Jeyaindran dan isteri, Datin Sunita Mei-Lin Rajakumar bersama kereta rasmi Inspira (kanan) dan Mercedes-Benz 250S yang masih berfungsi dengan baik dan pernah dimiliki mendiang bapa, Tan Sri Dr. Sinnadurai.*





## PENASIHAT SERVIS YANG MESRA, CEKAP DAN PROFESIONAL

KHIDMAT pelanggan yang cemerlang adalah antara kunci utama kelancaran SPANCO sebagai pusat servis terulung di Malaysia. Barisan Penasihat Servis SPANCO bukan sahaja mahir malah turut terlatih dalam

menangani setiap permasalahan yang diajukan dengan begitu cekap serta mesra pelanggan.

Seganding dengan visi menjadi penyedia dan pengurus fleet terbaik di Malaysia, para Penasihat Servis di SPANCO dibekalkan dengan kepakaran teknikal serta bimbingan khusus untuk melakukan analisis menyeluruh bagi mengenal pasti pembaikan

yang perlu dilakukan ke atas setiap kenderaan.

Bertindak sebagai duta kecil SPANCO, para Penasihat Servis ini sememangnya jentera di barisan hadapan yang menjadi tunggak utama dalam menjamin servis dan mutu yang diberikan kepada pelanggan mencapai tahap piawaian yang tinggi.

Oleh itu, Penasihat Servis akan memastikan setiap permasalahan akan ditangani dengan sebaik mungkin dan kenderaan disenggara dan dibaik pulih seperti yang dikehendaki seterusnya pelanggan ber-

### BARISAN PENASIHAT SERVIS SPANCO

*Gambar atas kiri, di PSW Bangi, kiri ke kanan: Mohd Hafiz Aziz, Hisham Boiman, Mohd Nizam Hussin, Al-Faisal Abdul Wahab, Mohd Azhar Zulkepli, Ahmad Haruzaini Harun (Eksekutif Woksyop), Mohd Saiful Adhli Md Sahid dan Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim (Pengurus Woksyop).*

*Gambar atas kanan, di PSW Batu Caves, kanan ke kiri: Mariana Ab Ghani, Norhakim Sawap, Hafiz Mohd Nor, Anthony Diffon a/I S. Felix, Gunasekaran a/I D. Sellappan, Shaiful Azhar Maarup (Penolong Pengurus Woksyop), Richard Velayuthan (Pengurus Woksyop) dan Mochzani Zulman.*



puas hati dengan perkhidmatan yang diterima. Malah, mereka turut menyedai khidmat nasihat dalam hal-hal berkaitan penjagaan kenderaan.

Di SPANCO, pelanggan menerima layanan cepat dan mesra semasa berurusan di kaunter. Setiap aduan mengenai kenderaan akan segera dimaklumkan kepada juruteknik bagi tujuan pemeriksaan dan pengujian. Pelanggan kemudiannya akan diberi penjelasan mengenai servis atau pembaikan yang bakal dilakukan sebelum kenderaan dihantar kepada mekanik.

Penasihat Servis akan menyelaraskan kenderaan-kenderaan di bawah jaminan ke Proton Edar selain memastikan tugas penyenggaraan mahupun pembaikan disiapkan dalam had masa yang ditetapkan sebagaimana yang dipersetujui pelanggan. Pelanggan

turut dimaklumkan jika terdapat sebarang kelewatan.

Pelanggan turut diterangkan mengenai tugas yang telah dilaksanakan sebelum kenderaan diserahkan semula kepada mereka. Sebarang kemusykilan atau ketidakpuasan pelanggan akan terus dilaporkan kepada Pengurus Woksyop.

Bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dan PSW Bangi, SPANCO telah menghantar semua Penasihat Servisnya untuk menjalani latihan 'Red Carpet' yang dianjurkan oleh Castrol. Semoga barisan Penasihat Servis akan terus memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan setiap kunjungan ke Pusat Servis menjadi pengalaman paling berharga buat pelanggan.

### TAHUKAH ANDA?

*Immobiliser* mempunyai cip yang walaupun halus tetapi penting untuk ia berfungsi. Berhati-hati semasa menukar bateri pada kunci *immobiliser* anda kerana kesilapan boleh menyebabkan kenderaan tidak dapat dihidupkan.



## PUSAT SERVIS YANG EFISIEN

Memegang prinsip sentiasa memberi khidmat cemerlang kepada pelanggan, SPANCO sememangnya komited memberikan hanya yang terbaik kepada mereka. Setiap kenderaan yang dihantar ke pusat servis SPANCO akan diteliti sepenuhnya oleh tenaga pakar tanpa hanya berpanduan terhadap aduan pelanggan semata-mata.

Di samping servis rutin dan utama yang dikehendaki pelanggan, SPANCO turut melaksanakan program penyenggaraan cegahan ke atas setiap kenderaan yang dibawa masuk ke pusat servis. Antaranya memeriksa bahagian enjin, brek, sistem penyejukan, pendawaian, tayar, sistem

gantungan dan stering. Sebarang kerosakan yang dikesan akan dibaiki dan pelanggan akan dimaklumkan mengenainya oleh Penasihat Servis.

Menurut Pengurus Woksyop di PSW Batu Caves, Richard Velayuthan, terdapat 30 senarai pemeriksaan yang akan dilaksanakan oleh mekanik ke atas setiap kenderaan. Selain tertakluk kepada pemeriksaan yang teliti, setiap kereta juga akan dibasuh dan divakum sejurus selepas diservis, sebelum diserahkan semula kepada pelanggan.

Justeru itu, setiap kali kenderaan dihantar ke Pusat Servis Wilayah di Batu Caves atau Bangi, pelanggan

akan dijelaskan mengenai tempoh servis kenderaan mereka terlebih dahulu kerana penyenggaraan atau pembaikan mungkin akan mengambil sedikit masa daripada yang sepatutnya.

Sebagai panduan, Proton

menetapkan tempoh 1 jam untuk servis rutin disediakan (setiap 10 ribu km) dan 2 jam untuk servis utama (perbatuan 40 ribu km). Masa tambahan mungkin diperlukan bagi pembaikan yang selebihnya.



*Ruang menunggu yang selesa disediakan sementara menanti kereta disiapkan.*

## "KOMITED, CEKAP & MESRA PELANGGAN... ITULAH YANG KAMI UTAMAKAN"

Tiga belas tahun bersama SPANCO, **Norhakim Sawap**, 32 tahun sememangnya seorang Penasihat Servis yang bukan hanya mahir malah sangat disenangi pelanggan. Dilantik sebagai Penasihat Servis di Pusat Servis Wilayah Batu Caves sejak 2009, Norhakim yang memulakan tugas awal sebagai mekanik merupakan Penasihat Servis Yang Diperakui Proton Edar.

Anak kelahiran Pontian, Johor ini merasakan tugas sebagai Penasihat Servis adalah sesuatu yang menyeronokkan kerana selain berhadapan dengan pelbagai ragam pelanggan beliau turut berasa puas apabila dapat menyelesaikan permasalahan pelanggan dengan jayanya. Malah beliau tidak pernah membataskan tugas pada waktu pejabat semata-mata kerana baginya pelanggan adalah rakan dan hubungan bersama mereka haruslah dijaga.



Mula berkecimpung dalam bidang automotif sejak berusia 17 tahun, **Gunasekaran a/l D. Sellappan**, 52 tahun telah menyertai SPANCO sejak tahun 1996. Sebagai orang lama, beliau sangat dikenali oleh kebanyakan pelanggan dan begitu mengambil berat setiap permasalahan mereka bertepatan dengan sifatnya yang suka membantu. Baginya kepuasan membantu dan mencurahkan bakti kepada pelanggan adalah suatu yang sangat penting dalam menjamin kualiti kerja cemerlang.

Malah beliau turut berharap dengan pengalaman selama 35 tahun itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada pelanggan. Anak tempatan Kuala Lumpur ini pernah bertugas di syarikat-syarikat terkemuka antaranya EON, BMW, Auto Dunia, Champion Motors dan Volkswagen.



Merupakan lulusan Politeknik, **Mohd Hafiz Aziz**, 28 tahun telah empat tahun bersama SPANCO sebagai Penasihat Servis di Pusat Servis Wilayah Bangi. Beliau yang pernah bertugas di Honda merasakan tugas sebagai Penasihat Servis satu cabaran yang harus ditangani dengan bijak. Setiap aduan yang diterima merupakan tanggungjawab yang harus digalas dengan teliti.

Bagi anak kelahiran Melaka ini adalah satu kepuasan apabila setiap tugas dapat diselesaikan dengan baik. Malah sepanjang kerjaya sebagai Penasihat Servis di SPANCO, telah memberi banyak pengalaman indah kepadanya. Apatah lagi apabila pelanggan menghubungi beliau secara peribadi untuk mengucapkan terima kasih di atas bantuan yang diberi dalam mempercepatkan penyenggaraan kenderaan mereka.



Sabar dan mesra melayan kerenah setiap pelanggan adalah prinsip yang sentiasa dipegang oleh **Al-Faisal Abdul Wahab**, 38 tahun. Bertugas di Pusat Servis Wilayah Bangi, Al-Faisal yang pernah berkhidmat selama 17 tahun di EON ini menganggap tanggungjawab sebagai Penasihat Servis memerlukan kesabaran dan persediaan rapi dalam menghadapi pelbagai kerenah pelanggan.

Anak kelahiran Kelantan yang juga lulusan vokasional dan pelajar automotif lepasan UiTM ini merasakan peranan yang dibawa oleh Penasihat Servis di SPANCO amatlah besar apatah lagi sebagai duta kecil syarikat, layanan yang diberikan kepada pelanggan haruslah cekap dan berkualiti dalam mempamerkan imej syarikat. Baginya keberkesanan tugas yang dibawa oleh setiap Penasihat Servis merupakan antara tugas penting kejayaan SPANCO.





# LAYANAN BERTARAF 5 BINTANG DENGAN 'RED CARPET TRAINING'

Penasihat Servis dan pelanggan adalah dua pertalian penting yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Di SPANCO, pelanggan ibarat sebutir 'berlian' dan Penasihat Servis adalah individu yang bertanggungjawab memastikan pelanggan mendapat khidmat profesional dan berkualiti apabila menghantar kenderaan mereka untuk disenggara.

Maka itu, pada tahun lalu, SPANCO telah menghantar barisan Penasihat Servis di Pusat Servis Batu Caves dan Bangi untuk menjalani 'Red Carpet Training' yang dianjurkan oleh Castrol Malaysia. Program Latihan 'Red Carpet' ini memfokuskan terhadap skil khidmat selepas jualan dan hubungan pelanggan. Ia merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif SPANCO dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan untuk mempertingkat dan memperbaiki mutu servis dari semasa ke semasa.

Tiga modul penting yang ditekankan SPANCO di dalam program ialah Hubungan Pelanggan, Keyakinan Itu


Penting dan Pengurusan Konflik bertepatan dengan peranan sebagai pembekal dan penyelia fleet kenderaan yang terunggul kepada Kerajaan.

Melalui program ini, Penasihat Servis diajar cara menjalinkan hubungan yang positif dan juga tip-tip bernilai apabila berhadapan dengan pelanggan. Mereka turut dilatih mengenai keyakinan berketenterampilan, tingkah laku dan pengetahuan apabila berkomunikasi dengan pelanggan. Penasihat Servis turut didedahkan mengenai cara menangani konflik yang berkesan.

Pengurus Woksyop di Pusat Servis Wilayah Batu Caves, Richard Velayuthan berharap 'Red Carpet Training' ini dapat membawa SPANCO ke satu lagi tahap yang lebih baik dalam memberi khidmat yang cemerlang untuk kepuasan pelanggan. Beliau turut berharap pelanggan dapat menikmati perkhidmatan dan layanan yang diperbaharui, lebih profesional, mesra dan menjangkaui harapan mereka sepanjang urusan dengan Pusat Servis Wilayah Batu Caves dan Bangi.

## TAHUKAH ANDA?

Anda perlu mengemaskini nombor telefon bimbit anda di kaunter servis supaya Penasihat Servis dapat memaklumkan anda melalui sms sebaik sahaja kereta anda siap diservis.





## TIP PEMANDUAN SELAMAT

### BERTANGGUNGJAWABLAH TERHADAP KESELAMATAN DIRI DAN PENUMPANG ANDA

PEMANDU memikul tanggungjawab besar di jalan raya kerana merekalah yang menentukan sama ada diri dan penumpang yang dibawa selamat sampai ke destinasi yang hendak dituju.

Banyak kajian menunjukkan kemalangan kerap berpunca daripada kesilapan manusia iaitu pemandu yang mungkin cuai hanya buat seketika tetapi padahnya terkesan sepanjang hayat.

Ambil iktibar daripadanya dengan sentiasa mengamalkan pemanduan berhemah setiap kali berada di jalan raya. Memandu secara berhemah atau defensif mampu mengurangkan risiko kemalangan daripada berlaku.

#### IKUTI PANDUAN MUDAH BERIKUT:

- Buat persediaan rapi sebelum memandu terutama mendapatkan tidur yang cukup jika perlu melakukan perjalanan jauh.



- Laraskan semua cermin dan tempat duduk apabila masuk ke dalam kereta sebelum menghidupkan enjin.

**PASTIKAN  
SEMUA  
LAMPU  
BERFUNGSI.**

Sebelum mula memandu, pasangkan lampu dan buat pemeriksaan dengan mengelilingi kereta.





PATUHI  
PERATURAN  
LALU LINTAS  
TERUTAMA  
HAD LAJU  
DI JALAN-JALAN  
BIASA DAN  
LEBUH RAYA.

- Pastikan anda dan penumpang memasang tali pinggang keledar keselamatan.
- Sentiasa berwaspada. Perhatikan apa yang berlaku di sisi dan di belakang dengan melihat cermin sekali sekala.
- Tumpukan perhatian dan hindari sebarang gangguan termasuk penggunaan telefon bimbit dan iPad.



- Apabila lampu isyarat bertukar hijau, maka terlebih dahulu lihatlah ke kiri, kanan, hadapan, dan kiri sekali lagi sebelum meneruskan perjalanan.

• Patuhi peraturan lalu lintas terutama had laju di jalan-jalan biasa dan lebuh raya.



had laju itu.

- 110kmj adalah kelajuan maksimum yang dibenarkan di Malaysia. Anda sebenarnya menyalahi undang-undang jika memandu melebihi

memaklumkan keluarga atau teman rapat tentang jadual perjalanan, masa yang dijangka tiba dan nombor yang boleh dihubungi. Jangan menukar perancangan tanpa memberitahu mereka.

- Elakkan laluan yang sesak dengan lori atau bas kerana kenderaan berat sukar untuk mengesan kenderaan yang lebih kecil. Ingat... sekiranya anda tidak boleh melihat mereka di cermin belakang, mereka juga berkemungkinan tidak menyedari kehadiran anda!
- Berjaga-jaga... kerana lori juga mengambil selekoh yang lebih lebar semasa membelok.
- Ketahuilah bahawa anda memerlukan jarak yang lebih jauh untuk membekap apabila kelajuan kenderaan bertambah.
- Bertolak awal dan rancang untuk tiba 10 minit sebelum dijanjikan. Kelajuan tidak menjamin anda untuk sampai tepat pada waktunya malah ada kemungkinan anda tidak akan sampai sama sekali.

Ingatlah! Setiap kemalangan jalan raya adalah satu kehilangan besar kepada keluarga, masyarakat dan negara. Justeru itu, amalkan pemanduan berhemah sepanjang masa.



- Simpan nombor yang boleh dihubungi jika berlaku kecemasan, selain maklumat diri dan maklumat perubatan anda di dalam kereta. Bagi pelanggan SPANCO, nombor itu ialah **1-800-88-6999.**

- Sekiranya kelajuan digandakan, jarak membekap bertambah sebanyak empat kali ganda.
- Sekiranya berat muatan digandakan pula, jarak yang diperlukan untuk berhenti turut berganda.
- Jika bercadang untuk pergi bercuti atau balik kampung, pastikan anda






# JANGAN CUA! JOM JADI PEMANDU YANG BIJAK!

PERUBAHAN sikap pengguna jalan raya ke arah pemanduan berhemah sememangnya dapat mengurangkan kadar kemalangan. Jadilah pemandu bijak dengan mengetahui cara pemanduan berhemah dan selamat juga tip-tip penjimatan petrol yang sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan bulanan anda.

## TEKNIK MEMEGANG STERENG



anda. Kebanyakan kereta mempunyai alat pelaras stereng dan ada juga kereta yang mempunyai fungsi menyimpan posisi stereng dan tempat duduk di dalam memori komputer supaya boleh dilaraskan secara automatik.



- Laraskan jarak tangan dan tubuh daripada stereng dengan menyesuaikan sudut dan posisi tempat duduk.
- Sesuaikan ketinggian dan kecondongan stereng mengikut keselesaan

- Disarankan memegang stereng pada kedudukan jam 2/10 atau 3/9.

- Genggam stereng dengan kemas tetapi tidak terlalu kuat.
- Jangan sekali-kali menyilangkan tangan anda terutama semasa mengambil selekoh kerana genggamannya anda boleh terlepas dengan mudah.

## TEKNIK MENGGUNAKAN BREK

- Elak daripada membrek secara mengejut atau membrek dan memusingkan stereng serentak.



bagi brek dengan sekuat hati sehingga kereta berhenti. ABS akan menstabilkan pergerakan dan mengelak kereta daripada tergelincir.

- Bagi brek sistem anti kunci ABS, semasa kecemasan hanya perlu tekan

- Bagi kereta yang tidak dibekalkan ABS: jika brek terkunci, cuba pam pedal brek dengan menekan dan melepaskannya berulang kali sehingga kereta berjaya dihentikan.


- Jika kereta masih gagal dihentikan, tarik brek tangan sedikit demi sedikit dan alihkan ke gear rendah. Awas! Kereta boleh berpusing jika brek tangan ditarik terlalu cepat.

- Maklumkan kepada penasihat servis jika anda rasa ada sesuatu yang tidak kena dengan brek anda seperti kereta terpesong atau terdapat bau hangit.



## TEKNIK MENGAWAL KERETA DI SELEKOH

- Jangan membelok terlalu laju apabila berada di selekoh kerana boleh mengakibatkan kereta terbabas atau berpusing terutama pada jalan basah.
- Kurangkan kelajuan jauh lebih awal dan tukar kepada gear yang lebih rendah sebelum memasuki selekoh.
- Kekalkan pada lorong yang sama semasa melalui selekoh.
- Awas! Terdapat selekoh yang mempunyai lorong dua hala sejurus kita memasukinya.
- Kekalkan juga jarak yang selamat dengan kenderaan lain; pergeseran yang walaupun sedikit boleh mengakibatkan kenderaan terbabas.
- Jangan mencedok atau menyilangkan tangan untuk memusing stereng sebaliknya gunakan pergerakan tolak ke atas dan tarik ke bawah tanpa menyilangkan kedua-dua tangan.



- Jika ingin memecut, pastikan mempunyai ruang beredar yang luas sebaik keluar selekoh.
- Jika terbabas, jangan panik:
  - i. Lepaskan pedal minyak dan gunakan brek.
  - ii. ABS akan bertindak untuk membetulkan kereta daripada terus tergelincir.
  - iii. Jangan lepaskan genggaman pada stereng.
  - iv. Dengan cepat, sesuaikan arah dengan melaraskan stereng mengikut laluan yang hendak diambil.
  - v. Sentiasa fokus dan bertenang. Pandulah dengan perlahan dan berhati-hati.



## TEKNIK MENJIMATKAN MINYAK DAN MENDAPAT PERBATUAN YANG LEBIH

- Elak dari memecut dan membrek secara mendadak kerana ia bukan sahaja membazirkan minyak malah akan menghauskan brek dan tayar dengan cepat.
- Servis kereta mengikut jadual. Komponen seperti penapis, palam pencucuh dan minyak pelincir yang tidak ditukar atau diservis akan mengurangkan kecekapan pembakaran.
- Pastikan pengimbangan, penjajaran dan tekanan angin pada tayar adalah betul. Pengabaian ini bukan sahaja memaksa enjin bekerja dengan lebih kuat malah turut membahayakan perjalanan anda.
- Gunakan pendingin hawa secara sederhana. Kurangkan suhu semasa

cuaca sejuk dan sebelum memulakan perjalanan, buka tingkap terlebih dahulu supaya udara panas boleh keluar.

- Jangan membawa muatan berlebihan. Kemaskan but kereta dengan mengeluarkan barangan yang tidak penting.
- Kurangkan kelajuan. Cuba kekalkan kelajuan yang stabil dengan menggunakan kawalan kruis selain menghidupkan suis 'overdrive'.
- Rancang perjalanan. Elakkan perjalanan berulang-alik. Kumpulkan tugas dan laksanakan serentak.
- Isi minyak pada sebelah pagi kerana semasa cuaca sejuk, molekul petrol lebih padat dan ini boleh menjimatkan kos dalam jangka panjang.





*Dilengkapi teknologi pemanduan pintar untuk prestasi yang lebih responsif.*

# HONDA ACCORD GENERASI KESEMBILAN... MELANGKAUI SEMPADAN INOVATIF

HONDA terus menguasai dunia automotif dengan memperkenalkan Honda Accord generasi kesembilan yang penuh dengan sentuhan kemewahan dan ciri-ciri keselesaan.

Meneruskan gaya evolusi eksklusifnya, Honda Accord baharu ini direka dengan ruang kabin yang luas, ciri-ciri keselamatan yang tinggi, kesesuaian E-85 (boleh menggunakan sama ada petrol atau campuran 85:15 etanol dan gasolin) dan rangkaian lengkap teknologi pemanduan pintar untuk prestasi yang lebih responsif serta selamat.

Bahagian dalamnya mewah, lengkap dengan kerusi berkontur di mana bahagian pe-

mandu boleh dilaraskan dengan lapan pergerakan dan fungsi ingatan. Manakala kerusi penumpang bahagian hadapan dengan empat pergerakan.

Kemudahan lain ialah *Active Noise Control (ANC)*, *Adaptive Cruise Control (ACC)* dan *One Push Ignition System*.

Diperkenalkan pertama kalinya di Thailand, Honda Accord yang dilengkapi transmisi lima kelajuan au-



**2.4 LITER i-VTEC:**  
174HP DENGAN  
TORK 225NM  
@6,200RPM

**2.0 LITER i-VTEC:**  
155HP DENGAN  
TORK 190NM  
@4,300RPM





Reka bentuk baru sepenuhnya yang elegan dan mempesonakan.



Ruang kabin yang mewah dengan kerusi berkontur.

tomatik ini boleh didapati dalam lima variasi dengan dua pilihan kuasa enjin iaitu enjin 'Earth Dreams Techonology' 2.4-Liter dan enjin 2.0-Liter.

Ia juga memperkenalkan teknologi keselamatan baru termasuklah dua beg udara hadapan, *i-Side* dan sisi, *Vehicle Stability Assist (VSA)*, *Motion Adaptive Electric Power Steering (MA-EPS)*, *Hill Start Assist (HSA)*, *Isyarat Berhenti Kecemasan (ESS)*, *Collision Mitigation Brake*

*System (CMBS)*, *Honda Lane Watch Blind Spot Display* dan *Active Cornering Lights*.

Sememangnya Honda Accord generasi kesembilan menawarkan pakej yang sangat impresif dari segi kemewahan reka bentuk, keselesaan dan keselamatan sekali gus melayakkan ia menerima 'Top Safety Pick Award 2013' serta '5-Star Safety Rating' dari *National Highway Traffic Safety Administration (NHTSA)* di Amerika Syarikat.



Suis untuk menghidupkan enjin.



Boleh menempatkan bagasi tambahan.



Lampu LED meningkatkan penglihatan.



Port USB untuk telefon bimbit pintar.



Membantu pemantauan sisi.



Ciri penjimatan minyak.



Sistem brek amaran pelanggaran.



Enjin i-VTEC yang berkuasa.





*Dato' Hamzah mengalu-alukan kehadiran peserta.*



*Perasmian disempurnakan oleh Datuk Noorizan.*



*Menyampaikan cenderahati sempena perasmian persidangan.*



*Dato' Noorizan menyampaikan amanat Kementerian Kewangan.*



*Taklimat Pengurusan Kenderaan Kerajaan disampaikan oleh En. Megat Azleen.*



*Suasana di dewan auditorium semasa persidangan berlangsung.*

## PERSIDANGAN PEGAWAI KENDERAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2013 SIRI PERTAMA ZON TENGAH DILANCARKAN

BERTEMPAT di Dewan Auditorium Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya, satu Persidangan Pegawai Kenderaan Kerajaan Persekutuan 2013 telah diadakan pada 19 Mac 2013 yang lalu. Hampir 350 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kenderaan dari 37 buah kementerian hadir bagi mengikuti persidangan yang melibatkan Zon tengah iaitu Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Program anjuran bersama Kementerian Kewangan dan SPANCO ini bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pegawai kenderaan Kerajaan terhadap kesan kemalangan, kecurian dan kesalahan trafik. Ianya juga bermatlamat memupuk rasa tanggungjawab pegawai-pegawai terhadap pengurusan fleet kenderaan di bawah seliaan mereka.

Majlis yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nozirah Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan ini, turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO, Dato' Hamzah Mohd Salleh dan Setiausaha Bahagian (Pengurusan) Kementerian Kewangan, YBhg. Dato' Noorizan Shafie.

Dalam ucapan aluannya, Dato' Hamzah meminta agar semua pegawai kenderaan Kerajaan Persekutuan dapat menerapkan perasaan hak milik terhadap kenderaan yang dipertanggungjawab oleh Kerajaan kepada mereka. Di samping bersama-sama meningkatkan usaha untuk sentiasa berwaspada dan menjaga kenderaan sambil memantau kaedah penggunaan kenderaan yang lebih sistematik dan selamat.





ASP Roslan Haji Idun menggulung persidangan di dalam ucapan rangkuman.



Mohd Shazlan daripada Lonpac Insurance.



Zulkifli memberi penerangan mengenai SPANCO.



Hebat Azali mengingatkan peserta perihal nahas kemalangan.



Mohd Kamal Shahrum dari UKK (Teknikal).



Penceramah MIROS, Hizal Hanis bercakap mengenai tip keselamatan.




Salah seorang panel, Azmi Mohamad dari UKK.



Seorang peserta dari Biro Tata Negara mengajukan soalan.



Barisan panel sesi dialog.



Jumlah kes kemalangan yang tinggi dilaporkan setiap tahun berbanding saiz fleet SPANCO.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai kenderaan Kerajaan Persekutuan yang telah bersama-sama membantu menjaga kenderaan SPANCO dengan baik selain

berharap supaya program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap peserta bagi meningkatkan lagi tahap efisiensi antara Kerajaan dan SPANCO.

Persidangan menampilkan barisan panel-panel penceramah dari SPANCO, Kementerian Kewangan dan Polis DiRaja Malaysia. Antara topik yang dibentangkan ialah taklimat kemalangan, kecurian dan kesalahan trafik, pengurusan kenderaan Kerajaan, fungsi teknikal, insurans dan keselamatan.

Program satu hari ini diakhiri dengan sesi dialog bersama panel yang dianggotai tiga pegawai kanan daripada Kementerian Kewangan dan dua daripada SPANCO.

Mereka yang mewakili Ke-

menterian Kewangan adalah Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Megat Azleen Megat Ramli; Azmi Mohamad daripada Bahagian Unit Kemudahan Kenderaan (UKK), dan Mohd Kamal Shahrum dari UKK (Teknikal).

Persidangan ini merupakan siri pertama dari enam siri keseluruhan yang dirancang bagi tahun 2013 yang mana siri berikutnya akan melibatkan Kementerian Pertahanan, Polis Diraja Malaysia, Zon Utara, Zon Timur dan Zon Selatan.



# SEPANG GOLD COAST RESORT

## - PENGALAMAN PERCUTIAN IBARAT SYURGA DUNIA

PERCUTIAN bersama keluarga, kesempatan yang harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap individu bagi membebaskan diri dari kekangan tekanan kerja dan rutin harian. Inilah masa untuk bermesra dan berinteraksi bersama mereka yang anda sayangi. Keluar dari kesibukan kota dan berlibur ke destinasi popular di dalam negara mungkin menjadi pilihan kebanyakan kita. Apatah lagi Malaysia sememangnya kaya dengan pelbagai destinasi percutian menarik yang perlu diterokai.

Sepang Gold Coast - Golden Palm Tree Iconic Resort & Spa adalah antara ikon pelancongan antarabangsa terbaru di negara ini. Paling menarik ialah pemandangan dari udara yang dilihat menyerupai pulau pokok palma dengan vila terapung di atas air dan ia merupakan satu-satunya struktur yang dibina dengan kaedah ini di Malaysia.

Terletak di Bagan Lalang Selangor dan lebih kurang satu kilometer dari Selat



Melaka, Sepang Gold Coast - Golden Palm Tree Iconic Resort & Spa ibarat syurga dunia kepada para pengunjung. Ia bukan sahaja memberi ketenangan pantainya yang membiru malah merupakan kembara eko yang hebat dengan hidupan semula jadi sama ada di darat mahupun laut.

Tempat peranginan bertaraf lima bintang ini menyediakan 392 buah vila berbentuk pokok palma terapung di air yang sememangnya lengkap dan selesa untuk seisi keluarga berehat sambil menikmati pemandangan laut pada siang dan malam hari. Nikmati kedamaian senja dengan melihat mentari terbenam atau kesegaran pagi dengan mentari terbit dari ruang vila anda sambil menghirup udara nyaman dan desiran air di tengah laut.

Tepat dengan panggilan kembara eko, Sepang Gold Coast - Golden Palm Tree Iconic Resort & Spa menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti sukan laut bermotor, sukan pantai, ber-





kano dan meredah hutan semula jadi yang mendamaikan. Atau juga boleh memancing, belajar menjala atau melawat perkampungan nelayan yang berdekatan dan pelajari cara-cara menangkap ikan bersama penduduk kampung yang sangat ramah.

Jika perut berkeroncong, singgah saja ke beberapa restoran menarik seperti Stimbot, Perahu, Sepoi-Sepoi, Bila-Bila dan Hang Sang Lau yang menyediakan pelbagai menu enak dan menyelerakan mengikut cita rasa pengunjung sama ada makanan Melayu, Cina mahupun barat.

Sepang Gold Coast - Golden Palm Tree Iconic Resort & Spa sememangnya satu destinasi percutian yang sangat tepat untuk seisi keluarga. Percutian eksotik yang lengkap dan pastinya memberi satu pengalaman menakjubkan untuk seisi keluarga.

#### PANDUAN BERCUTI:

- Senaraikan bajet yang membabitkan penginapan, makanan, pengangkutan, tol dan minyak.
- Layari internet atau baca iklan di akhbar untuk mengetahui keistimewaan tempat yang bakal dikunjungi.
- Pilih lokasi melancong, semak harga dan buat tempahan awal.
- Pastikan membawa pakaian yang bersesuaian dengan tempat bercuti misalnya di pantai atau tanah tinggi.

### JOM BEDAL!

Restoran: Malaya Steamboat Buffet

Masakan: Stimbot ala buffet

Harga: Dewasa RM26.70+,  
Kanak-kanak RM10.50+

Kena cuba: Sup tomyam, mi, ketam, udang, bebola ikan, aiskrim, salad dan banyak lagi.

Lokasi: G69 & G70, Jalan Prima SG 3, Taman Prima Sri Gombak, 68100 Batu Caves.

Jarak dari Pusat Servis Wilayah Batu Caves: 4.4km, 10 minit pemanduan.

Waktu: Selasa – Khamis (5 petang – 12 tengah malam), Jumaat (5 petang – 1 pagi), Isnin (tutup)



TEMPAT PERANGINAN  
BERTARAF LIMA BINTANG INI  
MENYEDIAKAN 392 BUAH  
VILA BERBENTUK POKOK  
PALMA TERAPUNG DI AIR.

# ADAKAH ANDA SEORANG PEMANDU YANG SIHAT?

▶ **KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN MEMANDU AMAT BERGANTUNG PADA TAHAP KESIHATAN TUBUH SESEORANG DAN BAGAIMANA MENANGANI TEKANAN**



MEMILIKI kenderaan yang dijaga dengan baik tidak membawa erti jika kesihatan pemandu tidak sepadan dengan tahap kemandapan kenderaan yang dipandu.

Ada pemandu yang bertanggungjawab terhadap aset yang bernilai ratusan ribu namun pada masa yang sama sering mengalami tekanan apabila berhadapan dengan cabaran di jalan raya masa kini.

Justeru, aspek kesihatan pemandu tidak boleh sama sekali diambil mudah oleh majikan dan pemandu itu sendiri. Kesihatan yang terabai boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk dari segi kecekapan, mutu kerja dan juga tahap pemanduan.

Selain itu, keadaan kesihatan juga boleh mengganggu pemanduan. Ini termasuk penyakit seperti lemah jantung,



**TERDAPAT TABIAT TIDAK SIHAT SAMA ADA SEMASA DI JALAN RAYA ATAU DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN YANG BOLEH MENDATANGKAN KESAN BURUK TERHADAP PEMANDUAN SESEORANG. ANTARANYA IALAH:**

- Tidak cukup tidur
- Memandu lewat malam
- Kurang bersenam
- Memandu dalam keadaan emosi yang terganggu
- Tidak minum air yang cukup – kekurangan air boleh mengganggu keupayaan berfikir
- Memandu jauh tanpa rehat yang cukup
- Tidak memakai cermin mata atau kanta lekap yang sesuai
- Menyalahgunakan dadah atau minuman keras

gangguan tidur, kencing manis, masalah penglihatan termasuk katarak dan glaukoma, asma dan penyakit pernafasan.

Di samping itu, terdapat sesetengah jenis ubat yang boleh mengakibatkan seseorang itu tidak dapat memandu dengan berkesan. Ubat selesema antihistamina sebagai contoh, turut mengandungi bahan yang terdapat pada



ubat tidur. Pemandu yang cekap perlu mengetahui ubat yang diambil sebelum memulakan pemanduan.

Berikut adalah langkah yang boleh diambil oleh pemandu untuk menjadi lebih sihat:

- Amalkan pemakanan seimbang seperti yang disarankan dalam piramid panduan pemakanan.
- Utamakan makanan bijirin, sayuran dan buah-buahan.
- Pilih makanan rendah lemak dan kolesterol.
- Kurangkan pengambilan gula dan garam.
- Imbangi kalori yang diambil dengan kegiatan fizikal seperti bersenam.
- Lakukan aktiviti bersenam dan riadah bersama keluarga dan rakan.
- Berhenti merokok.
- Buat pemeriksaan kesihatan dan mata setiap tahun.

Pemandu yang sihat adalah aset berharga bagi sesebuah syarikat. Oleh demikian majikan perlu mengutamakan tahap kesihatan pemandu untuk faedah bersama.



KESIHATAN YANG TERABAI BOLEH MENDATANGKAN PELBAGAI KESAN BURUK DARI SEGI KECEKAPAN, MUTU KERJA DAN JUGA TAHAP PEMANDUAN.



## PILIHAN SERVIS ANDA

### Simbol



Cawangan Proton Edar,  
atau Wakil Servis Sah  
Proton Edar



Khidmat  
Tunda



Pembaikan  
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa  
Dingin



Tayar &  
Bateri

### MELAKA - ONE STEP SERVICE SDN BHD



#### WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR ONE STEP SERVICE SDN BHD



356A & B, TAMAN PERINGGIT JAYA  
75400 MELAKA  
TEL: 06-2820685 / 06-2818140  
FAKS: 06-2820685

JURUTEKNIK: 8 ORANG  
PETAK SERVIS: 6 DENGAN HOIST  
DAN 4 TANPA HOIST

### NEGERI SEMBILAN - TELE CEKAP SDN BHD



#### WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR TELE CEKAP SDN BHD



G1 JALAN S2 B1 LAKE VIEW SQUARE,  
SEREMBAN 2  
70300 SEREMBAN  
TEL: 06-6013587  
FAKS: 06-6013587

JURUTEKNIK: 6 ORANG  
PETAK SERVIS: 5 DENGAN HOIST  
DAN 2 TANPA HOIST

### JOHOR - AUTOBEST SERVICE CENTRE



#### WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR AUTOBEST SERVICE CENTRE



NO 33 JALAN PERMATANG 2  
TAMAN DESA JAYA  
81100 JOHOR BAHRU  
TEL: 07-3538112 / 07-3533098  
FAKS: 07-3538414

JURUTEKNIK: 7 ORANG  
PETAK SERVIS: 6 DENGAN HOIST  
DAN 4 TANPA HOIST

\*Sila layari [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my) untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.



PELANTIKAN BARU - GT ONE AUTOCARE SDN BHD



*Kaunter perkhidmatan yang selesa.*



*Bilik mesyuarat untuk perbincangan.*



*Menyediakan servis pembaikan kemalangan.*



*Kebuk menyembur cat kedap udara.*

**WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR**

**GT ONE AUTOCARE SDN BHD**



LOT 8357 (PT6605)  
JALAN PK 8E, KAWASAN PERINDUSTRIAN KRUBONG  
75250 MELAKA  
TEL: 06-3358030  
FAKS: 06-3373080

JURUTEKNIK: 1 ORANG  
PETAK PEMBAIKAN: 6  
SPESIALIS DALAM BAIK PULIH KEMALANGAN, MENGETUK  
DAN MENGECAK BADAN KERETA




*Bangunan pusat servis yang tersergam indah menanti kehadiran pelanggan-pelanggan SPANCO.*





# Merah tanda berhenti.



**Merah Tanda Berhenti.  
Anda Mampu Mengubahnya.**